



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 1 JULAI 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4.	CHE ABDULLAH: RABBIT FARMING HAS POTENTIAL TO BE EXPLORED AS INCOME SOURCE, HOME, BORNEO POST (KUCHING) -10 REBUT PELUANG SERTA PENTERNAKAN ARNAB, UM -ONLINE A YEAR ON, AIRASIA FARM REMAINS BULLISH ON AGRICULTURAL IN THE FACE OF COVID-19, NEWS, TAMIL MALAR -5 REBUT PELUANG SERTA BIDANG PENTERNAKAN ARNAB - MAFI, NEGARA, KOSMO -5	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
5.	LPNM KOMITED BANTU PEKEBUN NANAS, NEGARA, KOSMO -5	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
6.	30 TAPAH TERSELAMAT DARIPADA DIMASAK, LOKAL, HM -22	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
7.	FAMA PAHANG SUMBANG 6.24 TAN BUAH UNTUK HAIWAN, BH -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
8.	MARDI FOKUS PENYELIDIKAN HASIL VARIETI MAKANAN GUNA TEKNOLOGI TERKINI DALAM RMK-12, UM -ONLINE	INSTITUT KEMAJUAN DAN PENYELIDIKAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
9.	AGROMAKANAN (PENJANA), VAKSIN UNTUK RAKYAT, SH -9	AGROBANK
10. 11. 12. 13. 14. 15.	DURIAN FARMERS GO ONLINE TO CUT OUT MIDDLEMAN, NEWS IN BRIEF, NST -15 SAYA TAK NAK SYOK SENDIRI...,SANTAI, HAKAH -H9 DURIAN LELONG SATU PLASTIK RM10, NEGERI KELANTAN/PERLIS, SH -28 JUAL RAJA BUAH SECARA DALAM TALIAN, ELAK GUNA ORANG TENGAH, NEGERI KELANTAN/PERLIS, SH -28 PAK ANDAK JUAL ONLINE, LOKAL, HM -19 12 TAN RAJA BUAH 'LICIN' SETIAP HARI, LOKAL, HM -19	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Che Abdullah: Rabbit farming has potential to be explored as income source		
MediaTitle	Borneo Post (Kuching)		
Date	01 Jul 2021	Color	Full Color
Section	Home	Circulation	60,767
Page No	10	Readership	182,301
Language	English	ArticleSize	197 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,686
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 8,058



Che Abdullah: Rabbit farming has potential to be explored as income source

JOHOR BAHRU: Rabbit farming for meat production or to raise as pets, has a great potential to be explored as a source of income especially for the young, said Deputy Minister of Agriculture and Food Industry II Datuk Che Abdullah Mat Nawi.

He said there is high demand for rabbit meat and rabbit rearing can be a field to venture in either for meat production or as an agrotourism activity.

"Currently, the rabbit population in the country is estimated at 33,701, comprising broiler and pet rabbits and the price of the meat is RM36 per kilogramme (kg) or RM47 per kg for boneless meat.

"Among the advantages of rabbit breeding is its short production cycle (30-day gestation period), easily available premixed diet, and rabbits have different adaptation skills that allow them to fit well into their environment," he said in a statement yesterday after visiting the Kundang Ulu Rabbit Farm in Gerisek near Tangkak earlier.

Meanwhile he said, in Johor there are 53 rabbit breeders registered with the Johor State Veterinary Services Department (JPVNJ) raising 4,339 rabbits for their meat and 123 as pets.

He said, JPVNJ together with the state government would

continue to support efforts in developing the rabbit breeding industry through advisory services and guidance as well as rabbit breeding courses for the production of value-added rabbit meat products such as burgers, satay and marinated meat.

Che Abdullah said the state government is also giving incentives in the form of building material assistance to build, repair and upgrade sheds and equipment assistance with an allocation of RM90,000.00 for 2021.

So far, four rabbit breeders in the state have been trained under the Veterinary Development Programme, he said. — Bernama



Che Abdullah (centre) at Kundang Ulu Rabbit Farm in Gerisek. — Bernama photo

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/7/2021	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

Rebut peluang sertai penternakan arnab



CHE Abdullah Mat Nawi (tengah) ketika mengadakan lawatan Projek Ternakan Arnab di Kampung Parit Medan, Kundang Ulu, Tangkak, di Johor. -UTUSAN/NUR ALINA HASSAN

TANGKAK: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MAFI) menggalakkan lebih ramai masyarakat khususnya penternak muda untuk menceburi bidang ternakan arnab berikutan potensinya yang mulai berkembang di negara

ini.

Timbalan Menteri II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, setakat ini, permintaan terhadap haiwan ternakan itu mulai meningkat dan pihaknya bersedia untuk memperluaskan sektor ini dari semasa ke semasa.

“Bagaimanapun, kita menghadapi kekurangan dari segi bekalan berikutan penglibatan penternak untuk daging arnab agak rendah. Saya nampak pasaran yang besar, namun, kita punya penternak masih belum mampu.

“Di Malaysia, industri yang mula dikembangkan pada 2003 sehingga kini hanya memperoleh sekitar 33,701 ekor meliputi penternakan arnab pedaging dan kesayangan (belaan). Manakala di Johor, terdapat 53 penternak arnab yang berdaftar di bawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) negeri dengan jumlah populasi 4,339 ekor bagi kategori arnab pedaging dan 123 sebagai haiwan belaan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas mengadakan lawatan di Projek Ternakan Arnab milik salah seorang penduduk di Kampung Parit Medan, Kundang Ulu, di sini, hari ini.

Hadir sama, Timbalan Pengarah Perkhidmatan Veterinar Johor, Dr. Norina Lokman dan Pegawai Perkhidmatan Veterinar Tangkak, Wan Asri Wan Jusoh.

Menurut Che Abdullah, kaedah penternakan daging arnab adalah lebih mudah kerana selain keuntungan yang mampu dijana, kos permulaannya juga rendah bermula dengan modal penjagaan, makanan dan habitatnya.

“Dari segi produktiviti indeks iaitu anggaran margin kasar, dianggarkan seekor induk akan menjanakan hasil atau memberi keuntungan kasar dalam RM100 setahun. Harga daging bertulang RM36 sekilogram manakala bagi daging tanpa tulang pula RM47 sekilogram.

“Selain itu, kelebihan bidang ternakan ini juga adalah pembiakan yang cepat iaitu tempoh bunting 30 hari, diet pracampuran yang mudah diperolehi dan boleh menyesuaikan diri dalam pelbagai persekitaran,” katanya.

Beliau berkata, JPV bersama-sama kerajaan negeri akan terus menyokong usaha kerajaan dalam memajukan industri penternakan arnab menerusi pelaksanaan program berbentuk khidmat nasihat

serta bimbingan, kursus penternakan arnab, penghasilan produk tambah nilai berasaskan daging arnab seperti burger, satay dan arnab perap dan kursus pemprosesan kulit.

“Malah, kerajaan negeri turut menyediakan insentif berbentuk bantuan bahan binaan untuk membina, memperbaiki dan menaiktaraf reban dan bantuan peralatan di bawah pembangunan industri aneka haiwan dengan peruntukan berjumlah RM90,000 bagi tahun ini.

“Sehingga kini seramai empat orang penternak arnab berpotensi di Johor telah dibimbing melalui Program Pengembangan Veterinar (PPV) sebagai usaha mengembangkan lagi industri ini,” katanya. -
UTUSAN ONLINE

Headline	A year on, airasia farm remains bullish on agriculture in the face of Covid-19		
MediaTitle	Tamil Malar		
Date	01 Jul 2021	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	22,000
Page No	5	Readership	180,000
Language	Tamil	ArticleSize	827 cm ²
Journalist	NULL	AdValue	RM 4,251
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,752



கோவிட்-19 காலத்திலும் ஏர் ஆசியா பண்ணையில் விவசாய நடவடிக்கைகள் தொடர்ந்து செயல்படுகின்றன

கோவாய்டு, நூலே 1-கோவிட்-19-இன் பாதகமான தாக்கம் உலகப் பொருளாதாரத்தை பாதித்து இருக்கிறது. மேலேசியாவின் மொத்த உள்நாட்டு உற்பத்தி 2020 ஆம் ஆண்டின் நான்காம் காலாண்டில் 3.4 சதவீதமாக குங்கியியது. பொருளாதாரத்தில் அனைத்து முக்கிய துறைகளும் சரிவை பதிவு செய்துள்ளன. இதற்கிடையில், கோவிட்-19 தாக்கத்தின் அச்சுறுத்தல் இருந்தபோதிலும், ஏர் ஆசியா பண்ணை விவசாயத் துறையில் தொடர்ந்து முன்னேற்றத்தை அடைந்து வருகின்றது. ஏர் ஆசியா பண்ணை நிறுவப்பட்டு ஒத்திசைவு ஒரு வருடம் ஆகின்றது என்பது குறிப்பிடத்தக்கது.

ஜூன் 2020 இல் கீழ்ப்பு நடமாட்டக் கட்டுப்பாட்டு ஆணையின் போது ஏர் ஆசியா பண்ணை நிறுவப்பட்டது. இது தயாரிப்பாளர்களை நேரடியாக வணிகங்களுடன் இணைக்கும் ஒரு தளமாகும். ஏர் ஆசியா பண்ணை டிஜிட்டல் ஆதரவுடனும் வேளாண்மை மற்றும் உணவுத் தொழில்துறை அமைச்சகத்தின் ஆதரவுடனும் ஏர் ஆசியா பண்ணை வணிகர்களின் விநியோகத்தை ஆதரிக்கும் நோக்கத்தில் நிறுவப்பட்டது.

2020 ஆம் ஆண்டின் இறுதியில், ஏர் ஆசியா பண்ணை ஆவிரத்திற்கும் மேற்பட்ட விவசாயம், பின்வாங்கிய மற்றும் கோழி உற்பத்தியாளர்களை உருவாக்கியுள்ளது. ஏர் ஆசியா பண்ணை இந்த கடினமான காலத்தில் தொடர்ந்து செயல்பட்டு வருகிறது. மேலும், "நமது வேளாண்மை மற்றும் உணவுத் தொழில்கள் நாட்டின்



செலவை 25 சதவீதம் வரை குறைத்து மட்டுமல்லாமல், புதிய சந்தைகளைத் திறப்பதன் மூலமும், விநியோகச் சங்கிலியில் இடைநிலைகளை அகற்றுவதன் மூலமும் உற்பத்தியாளர்களின் வருமானத்தை அதிகரிக்க உதவியது.

ஏர் ஆசியா குழுமத்தின் நிர்வாகத் தலைவர் டத்தோ கமாருடன் மெரோனான் கூறுகையில், "ஏர் ஆசியா என்பது மக்களின் விவசாய நிறுவனமாகும். எங்கள் வாடிக்கையாளர்களுக்கு சிறந்த மதிப்பு மற்றும் சேவையை வழங்குவதில் நாங்கள் தொடர்ந்து பணியாற்றி வருகின்றோம். ஏற்றுமதி மற்றும் இறக்குமதி திறன்களை வளர்ப்பதற்காக பிராந்திய ரீதியாகவும் விலைகளில் எங்கள் வணிகத்தை மேலும் விரிவுபடுத்துவோம். இந்த வேலைக்கு ஏர் ஆசியா பண்ணைக்கு குழுவுக்கு என்று மனமார்த்த வாழ்த்துக்களை தெரிவித்துக் கொள்கின்றேன். மேலும் நாட்டின் உணவுப் பாதுகாப்பு மேம்படுத்த திட்டத்தின் விவசாய துறையை நாங்கள் தொடர்ந்து மேம்படுத்துவோம்" என்றார்.

வேளாண்மை மற்றும் உணவுத் துறை அமைச்சர் ஹோ துடாக்டர் ஜோனாஸ்டியாண்டி கூறுகையில், "நமது வேளாண்மை மற்றும் உணவுத் தொழில்கள் நாட்டின்



போட்டித் தன்மையுடன் செயல்படுவது மட்டுமல்லாமல், பாதுகாப்பை உறுதிசெய்யவும் உதவுகிறது. குறிப்பாக இதுபோன்ற காலங்களில், போதுமான உணவுகளுடன் மக்கள் வீட்டிலேயே பாதுகாப்பாக இருப்பதை நினைவூறு உறு.

மேலும், ஏர் ஆசியா பண்ணை கமார் 2,000 முழுநேர உற்பத்தியாளர்களை உருவாக்கியுள்ளது. இதில் சபாவிடிகுந்து 170க்கும் மேற்பட்டோர் மற்றும் ஒப்பந்த விவசாயிகள் உள்ளனர். ஒட்டுமொத்தம், வணிக மேம்பாட்டு நிர்வாகிகள், உருவாக்க மற்றும் பலரை இது உருவாக்கியுள்ளது.

ஏர் ஆசியா பண்ணையின் தலைமை நிர்வாக அதிகாரி ஜோனா இப்ராஹிம், விவசாயத்தில் வேலைவாய்ப்பை வளர்ப்பதன் முக்கியத்துவத்தை வலியுறுத்தினார். குறிப்பாக, இந்த நோய்த்தொற்றுள்ள போது புதிய விளைபொருட்களின் உற்பத்தி மற்றும் விநியோகத்தை அதிகரிக்கும் இதன் மூலம், ஏர்



இந்த கடின நிகழ்வுகளின் மூலமாக உணர்ந்து ஏர் ஆசியா பண்ணை 10,000 சதுர அடி மற்றும் சபாவிட 6,000 சதுர அடியில் விவசாயதிறத்தை உருவாக்கியது. மேலும், விவசாயத் துறையை முன்னேற்றுவதற்கும் உற்பத்தியாளர்களின் வருமானத்தை உயர்த்துவதற்கும் நாட்டின் திட்டத்திற்கு ஏற்ப, ஏர் ஆசியா பண்ணை விவசாயத்தில்

டிஜிட்டல் உற்பத்தித் திட்டங்களுக்கு அதிக முக்கியத்துவம் வழங்குகின்றது. அனைத்து இந்தியா முழுமையான 2021 வரை, ஏர் ஆசியா பண்ணை அதன் காப்போர்ட் சமூக பொறுப்புகள் (சி.எஸ்.ஆர்) கூட்டாளிகளுடன்



இதற்கு உதவுகின்றது. ஏர் ஆசியா பண்ணை 10,000 சதுர அடி மற்றும் சபாவிட 6,000 சதுர அடியில் விவசாயதிறத்தை உருவாக்கியது. மேலும், விவசாயத் துறையை முன்னேற்றுவதற்கும் உற்பத்தியாளர்களின் வருமானத்தை உயர்த்துவதற்கும் நாட்டின் திட்டத்திற்கு ஏற்ப, ஏர் ஆசியா பண்ணை விவசாயத்தில்

LPNM komited bantu pekebun nanas

Oleh NUR ALINA HASSAN

MUAR – Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) komited membantu pekebun nanas untuk meningkatkan hasil jualan mereka meskipun negara ketika ini berhadapan dengan pelaksanaan penutupan penuh sektor ekonomi dan sosial atau total lockdown.

Pengerusi LPNM, Datuk Dr. Sahrudin berkata, sebanyak 1,000 surat kebenaran pergerakan telah dikeluarkan bagi membolehkan kumpulan ini melaksanakan pelbagai aktiviti pertanian.

"Surat kebenaran itu bertujuan untuk memudahkan pengusaha dan pekebun nanas menjalankan aktiviti pertanian, pemasaran dan pemrosesan.

"Walaupun terdapat sedikit masalah yang dihadapi pekebun untuk memasarkan buah tetapi ia masih lagi terkawal," katanya.

Bellau berkata demikian ketika ditemui media selepas mengiringi Menteri MAFI, Datuk Seri Dr. Ronald Klandee yang membuat lawatan di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di Kompleks Sukan Pagoh bersempena Program MAFI Prihatin di sini semalam.

Turut hadir Timbalan Menteri MAFI, Datuk Seri Ahmad Hamzah; Timbalan Menteri



SAHRUDDIN (dua dari kanan) bersama Ronald (lima dari kanan) pada majlis penyerahan kotak makanan kepada penduduk terjejas pandemik di Kompleks Sukan Pagoh, Muar baru-baru ini.

MAFI II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi; Ketua Setiausaha MAFI, Datuk Haslina Abd. Hamid dan Ketua Pengarah LPNM, Mohd. Khalidzani M. Salleh.

Selain itu, bellau berkata, dalam tempoh PKP 3.0 sehingga kini, MAFI melalui LPNM telah membantu menyediakan keperluan logistik bagi penghantaran dan pemasaran buah nanas kepada perah dan pemborong.

"Sebanyak 22 tan buah nanas telah dipasarkan, sekali

gus memberikan kelegaan kepada pekebun terjejas demi memastikan hasil buah terjual seperti biasa.

"PKP 3.0 menunjukkan penurunan ketara bagi masalah yang dihadapi pekebun berbanding PKP sebelum ini.

"Ini kerana, keprihatinan kerajaan dalam memastikan pekebun dan pengusaha dapat memasarkan hasil pertanian mereka mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) yang mengimbangi antara keperluan

ekonomi dan kesihatan rakyat," katanya.

Terdahulu, dalam program berkenaan, MAFI melalui LPNM turut mengagihkan 1,000 kotak makanan mengandungi barang keperluan asas untuk diagihkan kepada penduduk Pagoh yang terjejas ekoran pandemik.

SAHRUDDIN (kanan) beramah mesra dengan warga emas yang menerima vaksin di PPV.

Rebut peluang sertai bidang penternakan arnab – MAFI

TANGKAK – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menggalakkan lebih ramai masyarakat khususnya penternak muda untuk menceburi bidang ternakan arnab berikutan potensinya yang mulai berkembang di negara ini.

Timbalan Menteri MAFI II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, setakat ini permintaan terhadap haiwan ternakan itu mulai meningkat, justeru pihaknya bersedia untuk memperluaskan sektor tersebut dari semasa ke semasa.

"Bagaimanapun, kita menghadapi kekurangan dari segi bekalan berikutan penglibatan penternak untuk daging arnab agak rendah. Saya nampak pasaran yang besar, namun penternak kita masih belum mampu.

"Di Malaysia, industri yang mula dikembangkan pada 2003 sehingga kini hanya memperoleh kira-kira 33,701 ekor meliputi penternakan arnab pedaging dan kesayangan (belaan). Di Johor, terdapat 53 penternak arnab yang berdaftar di bawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor (JPVNI) dengan jumlah populasi 4,339 ekor bagi kategori arnab pedaging dan 123 sebagai haiwan belaan," katanya.



CHE ABDULLAH (tengah) memegang seekor arnab sewaktu mengadakan lawatan Projek Ternakan Arnab di Kampung Parit Medan, Kundang Ulu, Tangkak semalam. – NUR ALINA HASSAN

Bellau berkata demikian ketika ditemui selepas mengadakan lawatan di Projek Ternakan Arnab milik salah seorang penduduk di Kampung Parit Medan, Kundang Ulu, di sini semalam.

Hadir sama, Timbalan Pengarah JPVNI, Dr. Norina Lokman dan Pegawai Perkhidmatan

Veterinar Tangkak, Wan Asri Wan Jusoh.

Menurut Che Abdullah, kaedah penternakan arnab daging adalah lebih mudah kerana selain keuntungan yang mampu dijana, kos permulaannya juga rendah bermula dengan modal penjagaan, makanan dan habitatnya.

"Dari segi produktiviti indeks iaitu Anggaran Margin Kasar, dianggarkan seekor induk akan menjana hasil atau memberi keuntungan kasar dalam RM100 setahun. Harga daging bertulang RM36 sekilogram, manakala bagi daging tanpa tulang pula RM47 sekilogram.

"Selain itu, kelebihan bidang ternakan ini juga adalah pembiakan yang cepat iaitu tempoh kebuntingan 30 hari, diet prapembiakan yang mudah diperolehi dan boleh menyesuaikan diri dalam pelbagai persekitaran," katanya.

Bellau berkata, JPVNI bersama-sama Kerajaan Negeri Johor akan terus menyokong usaha kerajaan dalam memajukan industri penternakan arnab menerusi pelaksanaan program berbentuk khidmat nasihat serta bimbingan, kursus penternakan arnab, penghasilan produk tambah nilai berasaskan daging arnab seperti burger, sate dan arnab perap serta kursus pemprosesan kulit.

"Malah, kerajaan negeri turut menyediakan insentif berbentuk bantuan bahan binaan untuk membina, memperbaiki dan menaik taraf reban dan bantuan peralatan di bawah pembangunan industri aneka haiwan dengan peruntukan berjumlah RM90,000 bagi tahun ini.

"Sehingga kini seramai empat orang penternak arnab berpotensi di Johor telah dibimbing melalui Program Pengembangan Veterinar (PPV) sebagai usaha mengembangkan lagi industri ini," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/7/2021	HARIAN METRO	LOKAL	22

30 tapah terselamat daripada dimasak

Ikan bernilai tinggi dipindah dari kolam ternakan untuk pemuliharaan

Oleh Mohd Khidir Zakaria
am@hmetro.com.my

Port Dickson

Jabatan Perikanan Negeri Sembilan 'menyelamatkan' kira-kira 30 ekor ikan tapah daripada menjadi hidangan di restoran dengan dilepaskan ke sebuah tasik empangan yang terkawal sepenuhnya.

Ikan bernilai tinggi seberat antara 1.5 hingga tiga kilogram itu dipindahkan.



IKAN tapah berjasi ditangkap Halimi ketika menentang di Sungai Mulu. Saravali satu ketika bernilai seberat hampir 30 kilogram.



FOTO: IHSAN JABATAN PERIKANAN

HALIMI (kanan) menunjukkan anak ikan tapah yang dilepaskan untuk tujuan pembiakan di sungai di Negeri Sembilan.

dari kolam ternakan ke perairan terkawal bagi tujuan pemuliharaan.

Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Sembilan, Halimi Abu Hanip berkata, spesies itu asalnya ditangkap dari sungai di Pahang dan dibeli penternak di Kuala Pilah bagi tujuan hidangan restoran.

"Dengan usaha ini, Jabatan Perikanan berharap spesies ikan tapah terus dapat hidup, membesar dan berkembang biak tanpa gangguan di tasik yang dikenal pasti sesuai

untuk kehidupannya," katanya semalam.

Menurutnya, ini adalah usaha pertama kali pihaknya membuat pelepasan ikan tapah untuk pemuliharaan dan pemerikayaan sumber perikanan asli.

"Di Negeri Sembilan, ikan tapah secara semula jadi ada di Sungai Muar di kawasan Gemas, tetapi sayangnya spesies ikan gergasi ini sudah lama tidak dijumpai lagi menurut nelayan sungai di sana," katanya.

Halimi berkata, penyebab kemerosotan ikan itu boleh dikatakan berpunca daripada pencemaran sungai, pembukaan hutan untuk perladangan dan pembuangan, serta tangkapan yang tidak terkawal.

"Ke-

betulan pula kami mengetahui ada seorang penternak membela sebilangan ikan tapah diperolehinya dari Pahang untuk jualan ke restoran. Tetapi akibat Covid-19 menyebabkan dia mengalami kesulitan memasarkan ikan itu memandangkan restoran ditutup.

"Menyedari juga ikan tapah di ambang kepupusan, kami mengambil inisiatif membelinya daripada penternak itu dengan harga RM50 sekilogram. Di samping dapat membantu penternak, dalam masa sama kami menyelamatkan ikan itu untuk dilepas bebas di perairan sesuai dan selamat.

"Lokasi pelepasan dirahsiakan untuk melindungi spesies ini, apatah lagi tasik empangan itu adalah kawasan larangan yang dikawal selia ketat oleh Badan Kawal Selia Air (BKSA) dan Syarikat Air Negeri Sembilan (Sains)," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/7/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

FAMA Pahang sumbang 6.24 tan buah untuk haiwan



Timbalan Pengarah Operasi FAMA Pahang, Shabuddin Mohd Nor (kanan) menyerahkan sumbangan buah-buahan kepada pemilik Deeland Park Lanchang, Abdullah Ahmad Mahmud (kiri) - Foto NSTP/Mohd Rafi Mamat

TEMERLOH: Lembaga Pemasaran Persekutuan (FAMA) Pahang menyumbang sebanyak 6.24 tan labu manis dan pisang kepada haiwan di bawah program tanggungjawab sosial korporat (CSR) Kementerian Pertanian dan Industri

Makanan (MAFI) Prihatin.

Timbalan Pengarah Operasi FAMA Pahang, Shabuddin Mohd Nor, berkata turut diberikan nangka, nanas dan keledak. Sumbangan berkenaan diharap dapat meringankan beban menyediakan makanan oleh pihak terbabit.

Katanya, sumbangan pertama membabitkan lebih dua tan pisang, nanas, keledak dan labu manis kepada empat individu yang terbabit dengan pembiakbakaan dalam kurungan komersial dibawah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) di daerah ini, Pekan, Lipis dan Bentong yang memiliki pelbagai haiwan eksotik seperti landak raya, rusa dan pelanduk.

Katanya, minggu lalu pihaknya turut menyumbang sebanyak 2.5 tan pisang, labu manis dan kepada Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan (PKGK) Kuala Gandah Lanchang, di sini yang menempatkan 32 ekor gajah.

"Semalam, sebanyak 1.74 tan pisang, labu manis, nanas dan nangka disumbangkan kepada Deeland Park Lanchang, di sini yang terbabit dengan pembiakbakaan dalam kurungan komersial rusa sambar dan landak raya.

"Sumbangan berkenaan diharap dapat meringankan beban pengurusan pusat terbabit yang turut terbabit dengan sektor pelancongan dengan menempatkan pelbagai jenis binatang termasuk lebih 70 rusa sumatera," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyerahkan sumbangan pisang, labu manis, nanas dan nangka sebanyak 1.74 tan kepada pemilik Deeland Park Lanchang, Abdullah Ahmad Mahmud, di sini semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/7/2021	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

MARDI fokus penyelidikan hasil varieti makanan guna teknologi terkini dalam RMK-12



MOHAMAD ZABAWI ABDUL GHANI

PETALING JAYA: Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) akan memfokus kepada penghasilan varieti baharu tanaman makanan melibatkan padi, sayur- sayuran dan buah buahan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (2021-2025).

Ketua Pengarah MARDI yang baru dilantik, Datuk Dr. Mohamad Zabawi Abdul Ghani berkata, pihaknya juga akan memokus kepada usaha-usaha meningkatkan hasil pengeluaran pertanian

menerusi penggunaan teknologi moden

Beliau berkata, usaha meningkatkan hasil itu boleh dilakukan menerusi penambahbaikan sistem penanaman sayur bernilai tinggi berasaskan kilang tanaman, pertanian tepat melalui pendekatan *Internet of Things* (IoT), bioteknologi dan nanoteknologi serta penghasilan makanan fungsian.

“MARDI juga berhasrat untuk memastikan semua empat elemen dalam sekuriti makanan iaitu ketersediaan (*availability*), akses makanan (*accessibility*), penggunaan (*utilization*) dan kestabilan (*stability*) dapat dicapai selaras dengan Dasar Jaminan Makanan Negara serta Dasar Agromakanan 2.0 yang akan dilancarkan tidak lama lagi, “ ujarinya kepada *Utusan Online*.

Di samping itu, MARDI juga katanya berusaha memperkukuhkan strategi bagi meningkatkan penghasilan ternakan termasuk ayam, lembu dan kambing akan diperkemarkan

Tumpuan juga akan diberikan kepada penanaman bawang dan ubi kentang tanah rendah bagi mengurangkan kebergantungan kepada produk import.

Selain memantapkan aktiviti penyelidikan, MARDI juga akan memberi tumpuan kepada sistem pemindahan teknologi yang lebih berkesan dan memberi impak yang tinggi kepada ekonomi masyarakat dan negara.

“Semua hasrat tersebut akan dapat direalisasikan menerusi penggembelengan idea, tenaga dan masa oleh seramai 515 pegawai penyelidik, 68 pegawai tadbir dan 2,235 staf sokongan.

“Semua mereka ini ditempatkan di 10 pusat sektor penyelidikan termasuk lima Pusat Kecemerlangan Penyelidikan (COE), lapan pusat sektor pembangunan dan operasi, tiga unit tadbir urus (Unit Audit Dalam, Unit Intergriti dan Pusat Urus Tadbir dan Perundangan) di samping 31 stesen dan pejabat negeri di seluruh negara, katanya,

Lima COE yang dimiliki MARDI ialah Padi dan Beras MARDI Seberang Perai, Perak; COE Buah-Buahan Tropika MARDI di Sintok; COE Ternakan MARDI di Kluang, Johor COE Ubian MARDI di Bachok, Kelantan dan COE Pertanian Hijau MARDI di Cameron Highlands.-

Mohamad Zabawi dilantik ke jawatan tersebut pada 8 Jun lalu bagi menggantikan Datuk Dr. Mohamad Roff Mohd. Noor yang bersara wajib.

MARDI merupakan agensi terletak di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan. –
UTUSAN ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/7/2021	SINAR HARIAN	WAKSIN UNTUK RAKYAT	9

BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD 200801010622 (011610-J)



AGROMAKANAN (PENJANA)

Pembiayaan untuk **Usahawan Mikro** yang terjejas akibat pandemik COVID-19

- ✓ Khas untuk usahawan mikro dan usahawan dari kategori B40.
- ✓ Kadar keuntungan serendah 3.5% setahun*
- ✓ Had pembiayaan maksimum hingga RM50,000.00**

* atas baki pembiayaan

** bagi setiap pelanggan / pembiayaan

• Terhikuk pada lama dan agas



Imbas kod QR untuk maklumat lanjut

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/7/2021	NST	NEWS IN BRIEF	15

Durian farmers go online to cut out middlemen

KANGAR: It is becoming a trend to sell products and goods via social media platforms ever since the country was hit by the Covid-19 pandemic. Durian traders have also jumped on the on-line bandwagon to market the king of fruits without going through wholesalers or middlemen to sell the fruits from their farms. One of the durian farmers in Wang Gunung near Bintong, Musa Nayan, 66, said he chose to sell durian online as it was easier to deal with customers directly without depending on wholesalers. "I find it more satisfying to sell the fruits of my hard work as it is more profitable and I could sell them cheaper to customers." Musa said he had no problems marketing durian during Phase One of the National Recovery Plan as the response from buyers was good.

Bernama

1/7/2021

HARAKAH

SANTAI

H9

Saya tak nak syok sendiri...

Oleh SAIDAH HAIRAN

“BAHAGIAKU di sini bersama mereka yang mengerti dan memahami akan erti sebenar kehidupan ini,” luah Adun Jabi, Dr Azman Ibrahim sambil tersenyum dan melemparkan pandangan jauh.

Erti kebahagiaan itu cukup luas. Bahagia bersama keluarga, bahagia dilimpahi kemewahan, bahagia mendapat jawatan, pangkat dan sebagainya.

Namun bagi Dr Azman (mesra dengan panggilan Pok Cik), kebahagiaan itu dapat dinikmati apabila berjaya meningkatkan kesihatan atau mengembirakan orang lain.

Ketika menjadi doktor gigi, hidupnya dikelilingi pesakit-pesakit yang mempunyai masalah gigi.

Kini, keadaan hidupnya sudah berubah. Tidak lagi dikelilingi dengan pesakit-pesakit gigi tetapi semua lapisan masyarakat. Orang tua, muda; lelaki; perempuan; orang sihat; orang sakit; pegawai kerajaan dan juga orang politik dalam dan luar Negara.

Petani, nelayan, golongan belia semua mencari beliau jika mereka memerlukan bantuan dan menghadapi masalah tidur.

Tugas sebagai seorang



Terengganu Salur RM500 Kepada Warga Tani Pestif COVID-19

Sumbangan ini bukanlah besar, namun ia cukup mengambarkan keprihatinan pentadbiran negeri kepada mereka yang telah menyumbang tenaga membekalkan sumber makanan negeri, seterusnya menghadirkan sedikit khibar-gembira buat warga tani.

Dr Azman Ibrahim, Menteri Pertanian, Negeri Sembilan.

Ingatkan penjual kain, rupanya Adun Jabi, Dr Azman Ibrahim hantar sendiri makanan asas kepada penduduk.

doktor gigi memang penat. Merawat seorang pesakit bukan mudah, tersalah cabut gigi atau tersalah tampal gigi boleh mendapat surat saman. Baginya, pelanggan mesti dihormati dan diutamakan.

Dunia pergigian telah ditinggalkan sejak beliau menjadi wakil rakyat dan exco Kerajaan Negeri Terengganu. Kesibukannya menyuntuni rakyat melebihi masa untuk berehat bersama keluarga. Namun, beliau tidak pernah menjadi petani; sekejap menjadi nelayan; sekejap

jap menjadi penghantar makanan; sekejap menjadi pak inam; sekejap menjadi Pegawai Kerajaan; sekejap menjadi wakil rakyat. Prinsip hidup Pok Cik, yang susah disantuni, yang berjaya diabaikan...

Katanya, rakyat sudah terlalu tertekan dengan situasi sekarang sebab itu beliau mewakil Kerajaan Negeri terus membawa rakyatnya untuk membawa rakyat Terengganu bebas dari virus paling bahaya, Covid-19. “Walau apa pun situasi, kita tetap perlu kuat untuk mengembirakan orang lain...” katanya.



Boleh mula turun baru untuk musim baru mulai 5 Jun 2021

Besut kita masih bawah PKPD. Jangan takut dan ragu. Berita ini soheh dan bukannya cubaan.

Tinjauan hari ini di kawasan sawah padi IADA Ketara seluas 5000 hektar mendapati sistem pengairan berfungsi dengan baik dan kerja-kerja penyediaan petak sawah berjalan lancar. Ikut jadual 20 Jun mula tabur benih.

YB Dr Azman Ibrahim, Menteri Pertanian, Negeri Sembilan.

Slapa sangka seorang doktor perubatan dan ahli exco Kerajaan Negeri Terengganu sanggup main lumpur –

Nak minum air tuak, pangkat sendiri pokok ketapa. Ini bukan lakonan tetapi Pok Cik memang suka kerja seperti ini.

1/7/2021

SINAR
HARIANNEGERI
KELANTAN/
PERLIS

28

Durian lelong satu plastik RM10

Tauke durian prihatin nasib rakyat terjejas musim Covid-19 bantu nikmati buah 'kayangan'

Oleh ADILA SHARINNI WAHID

TUMPAT

Prihatin terhadap nasib rakyat terjejas akibat Covid-19 mendorong seorang tauke durian di Semat Jal, di sini melelong 60 tan buah 'kayangan' itu serendah harga RM3 sekilogram atau RM10 bagi setiap satu beg plastik bersaiz sederhana.

Shahmiazani Mohd Tanazi, 27, berkata, lelongan durian jenis kahwin dan kampung itu berlangsung selama lima hari bermula pada Ahad sehingga hari ini.

Katanya, niat menjual durian pada harga lebih murah itu bertujuan membantu seluruh lapisan masyarakat yang terjejas akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Covid-19 namun teringin menikmati buah durian.

"Semua tahu harga durian yang sangat mahal sehingga mencecah RM60 sekilogram bagi musang king dan jenis kampung pula RM15 sekilogram kerana bekalan masih terhad.

"Dilekang pula dengan kreda-



Shahmiazani (kanan) dan Shahmiazani menunjukkan buah durian yang elok isinya di gerai mereka di tepi jalan Kampung Semat Jal, Wakaf Bharu, Tumpat.



Shahmiazani (kanan) membantu pelanggan memilih durian di gerai mereka. Menurut beliau, kira-kira 12 tan durian laris dijual setiap hari.

an semasa, ramai tidak mampu.

"Jadi, saya niatkan untuk berkongsi, biar semua merasa dan dapat menikmati durian," katanya kepada pemberita ketika ditemui di gerai buah-buahan di tepi jalan Kampung Semat Jal, Wakaf Bharu di sini pada Selasa.

Shahmiazani berkata, kerana tidak boleh rentas daerah, jumlah pelanggannya berkurang sehingga 50 peratus daripada biasa.

Namun pada hari pertama lelongan, lebih setengah tan durian habis dijual dalam tempoh kurang dua jam bermula 10 pagi.



LONG ASWADI

"Lori buah belum sampai tapi pelanggan sudah beratur sejauh 200 meter. Kami hadkan 10 pelanggan sahaja masuk memilih pada satu-satu masa dengan wajib imbas suhu serta memakai pelitup muka.

"Durian seperti IOI, kucing tidur, ganja, kepala gajah, udang merah, D24, kunyit dan musang king turut dijual dengan harga murah bermula RM20 sehingga paling mahal RM35 sahaja dan laris sebanyak 12 tan durian setiap hari," kata Shahmiazani.

Isterinya, Shaiddatul Fatini Shamsudin, 29, berkata, lelongan RM10 satu plastik

durian ini telah masuk tahun keempat dilakukan sebelum Covid-19 lagi dengan pelanggan yang datang daripada pelbagai golongan.

"Satu plastik diisi penuh sehingga tujuh biji buah dan kami terpaksa bertegas supaya adil kepada pelanggan lain dengan menghadkan satu plastik sahaja setiap orang.

"Kami harap dengan cara ini dapat membantu semua orang menikmati buah durian yang isinya elok dan sedap dengan harga murah," katanya.

MUSIM RAJA BUAH

Seorang pelanggan, Long Aswadi Long Idris, 45, berkata,

dia sudah empat kali datang membeli durian murah di gerai milik Shahmiazani bagi menajamu keluarganya.

"Kami sekeluarga gemar makan durian dengan budu dan sangat menghargai peniaga seperti Shahmiazani yang membantu masyarakat untuk sama-sama menikmati keenakan durian.

"Peniaga lain perlu contohnya bukan sahaja menjual buah durian malah barangan keperluan harian sekalipun, kita perlu bantu sesama kita," katanya.

Jual raja buah secara dalam talian, elak guna orang tengah

FOTO: BERNAMA



Musa menunjukkan antara buah durian terbaik di dusunnya di sekitar Wang Gunung, Kangar baru-baru ini.



Nordin mengutip durian yang baru gugur ketika tinjauan Bernama baru-baru ini.

KANGAR - Sejak penularan pandemik Covid-19 dan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula Mac tahun lepas, lebih ramai peniaga yang cenderung menggunakan platform media sosial untuk memasarkan produk mereka ter-

masuk peniaga durian.

Seorang pekebun durian di Wang Gunung dekat Bintong, Musa Nayan, 66, berkata, beliau memilih untuk memasarkan durian secara dalam talian kerana lebih mudah berurusan sendiri dengan pelanggan tanpa ber-

gantung kepada pemborong.

"Saya rasa lebih puas dapat pasarkan sendiri hasil tiuk peluh kerana ia lebih menguntungkan dan dapat dijual dengan harga lebih murah kepada pelanggan," katanya kepada Bernama baru-baru ini.

"Setiap hari ada sahaja yang membuat pembelian secara dalam talian, anak saya yang uruskan menerusi telefon bimbitnya," kata pesara kerajaan itu yang turut dikenali dengan panggilan Pak Andak.

Bapa kepada lima anak itu berkata, pada mulanya beliau hanya menanam pokok durian untuk anak cucunya, namun apabila harga durian mula meningkat beliau kini mengusahakan tanaman itu secara serius.

Musa yang mempunyai kebun seluas 1.618 hektar berkata, terdapat tiga jenis durian di kebunnya iaitu durian kampung, jenis IOI (D168) dan juga musang king.

Bagi Nordin Salleh, 64, turut menggunakan medium yang sama untuk menjual durian selain menjual secara terus kepada

pelanggan di hadapan kebunnya untuk mengelak berlaku lambakan raja buah itu.

"Saya hanya jual durian bila ada lebihan dan utamakan untuk keluarga terlebih dahulu dan kebanyakan adalah durian jenis kampung.

"Saya tengah usaha untuk dapat kebenaran menjual hasil durian daripada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) bagi membuka gerai jualan durian," katanya yang mempunyai kebun seluas 0.809 hektar.

Bapa kepada empat orang anak itu berkata, durian Perlis mempunyai rasa berbeza daripada durian tempat lain kerana rasanya lebih manis dan mempunyai aroma yang lebih wangi mungkin disebabkan faktor tanah dan cuaca di sini. - Bernama

“
Pak cik rasa lebih
puas dapat
pasarkan sendiri
hasil titik peluh
Musa



MUSA mengutip durian yang baru gugur di dusunnya.

Pak Andak jual online

Pekebun durian guna media sosial jual
secara dalam talian terus kepada pelanggan

Kangar

Sejak penularan pandemik Covid-19 dan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan

(PKP) bermula Mac tahun lalu, lebih ramai peniaga yang cenderung menggunakan platform media sosial untuk memasarkan produk mereka termasuk peniaga durian.

Seorang pekebun durian di Wang Gunung dekat Bintong, Musa Nayan, 66, berkata, beliau memilih untuk memasarkan durian secara dalam talian kerana lebih mudah berurusan sendiri dengan pelanggan tanpa bergantung kepada pemborong.

“Pak cik rasa lebih puas dapat pasarkan sendiri hasil titik peluh kerana ia lebih menguntungkan dan dapat dijual dengan harga lebih murah kepada pelanggan,” katanya.

“Setiap hari ada sahaja yang membuat pembelian secara dalam talian, anak pak cik yang uruskan menerusi telefon bimbitnya,” kata pesara kerajaan itu yang turut dikenali dengan panggilan Pak Andak.

Bapa kepada lima anak itu berkata pada mulanya beliau hanya menanam pokok durian untuk anak cucunya namun apabila harga durian mula meningkat beliau kini mengusahakan tanaman itu secara serius.

Musa yang mempunyai kebun seluas 1.618 hektar berkata terdapat tiga jenis durian di kebunnya iaitu durian kampung, jenis IOI (D168) dan juga Musang King.

Bagi Nordin Salleh, 64, turut menggunakan medium yang sama untuk menjual durian selain menjual secara terus kepada pelanggan di hadapan kebunnya untuk mengelak berlaku lambakan raja buah itu.

“Saya hanya jual durian bila ada lebihan sahaja dan utamakan untuk keluarga terlebih dahulu dan kebanyakan adalah durian jenis kampung.”

“Pak cik tengah usaha untuk dapat kebenaran menjual hasil durian daripada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) bagi membuka gerai jualan durian,” katanya yang mempunyai kebun seluas 0.809 hektar.

Bapa kepada empat orang anak itu berkata durian Perlis mempunyai rasa berbeza daripada durian tempat lain kerana rasanya lebih manis dan mempunyai aroma yang lebih wangi mungkin disebabkan faktor tanah dan cuaca di sini.



MUSA menunjukkan jenis durian terbaik yang ada di dusunnya di Wang Gunung dekat Bintong.

Tumpat: Meskipun dalam suasana Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) namun hasil jualan raja buah iaitu durian yang diusahakan Shahmiazani Mohd Tanazi tetap mendapat sambutan menggalakkan.

Buktinya, setiap hari, lelaki berusia 28 tahun itu mampu menjual sebanyak 12 tan membabitkan pelbagai jenis durian termasuk musang king, ganja, kucing mabuk, kucing tidur, IOI, durian kahwin, kepala gajah serta kampung dalam tempoh lima jam sahaja di Kampung Semat Jal, di sini.

Pelbagai jenis buah itu dijual dengan harga berbeza bermula RM10 hingga RM35 kilogram (kg) bergantung kepada kualiti raja buah itu.

Bagi mereka yang kurang berkemampuan pula, pemuda terabit menjual durian serendah RM3 setiap kg selain menawarkan satu plastik berisi tujuh biji pada harga RM10 yang dilakukan da-

12 tan raja buah ‘licin’ setiap hari

lam tempoh lima hari bermula kelmarin.

Shahmiazani berkata, dia mula menjual buah durian sejak Januari lagi namun bekalan itu hanya dijual secara banyak mulai Jun ini.

Katanya, bekalan durian diambil dari empat lokasi di dua negeri iaitu Negeri Sembilan dan Johor dengan pengambilan setiap hari bagi memastikan buah yang dijual adalah segar dan sedap.

“Alhamdulillah jualan durian tetap menggalakkan walaupun PKP dan ramai yang tidak dapat datang membeli kerana tidak boleh merentas daerah.

“Untuk jualan durian, saya menjual dengan tiga cara iaitu borong, runcit dan jonglong. Seawal jam 9 pagi saya sudah mula membuka kedai dan kebiasaannya pada 2 petang, durian sudah habis.

“Jika tahun sebelum pan-

demik Covid-19, jualan durian lebih laris hanya mengambil masa beberapa jam sahaja, namun saya masih bersyukur kerana bekalan buah tetap habis setiap hari,” katanya ketika ditemui di gerainya di sini, semalam.

Shahmiazani berkata, setiap hari dia dibantu isteri Shaidatul Fatini Shamsuddin, 29, selain lapan pekerja.

“Memandangkan musim PKP, saya hanya menghadkan 10 pembeli yang memasuki kedai dalam satu masa bagi mengelak berlaku pelanggaran prosedur operasi standard (SOP).

“Alhamdulillah mereka yang datang memberi kerjasama penuh dan sanggup menunggu dengan sabar,” katanya yang menjual musang king dengan harga RM35 sekilogram,” katanya.

Mengulas mengenai pro-

mosi satu plastik durian RM10, bapa kepada seorang cahaya mata itu berkata, hampir setiap tahun dia menjual dengan harga berkenaan supaya semua orang mampu menikmati raja buah itu.

“Namun, jualan itu hanya terhad untuk lima hari sahaja bermula semalam dan ia membabitkan durian kampung.

“Bila orang bercakap harga durian adalah harga kaya- ngan dan untuk golongan kayangan, saya mengambil pendekatan menjual dengan harga mu-

rah supaya semua orang mampu menikmatinya,” katanya.

SHAHMAZANI menunjukkan durian kucing tidur yang sering jadi pilihan pembeli di gerainya.

